

| | | | |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Ayam RM6 seekor habis sejam | | |
| MediaTitle | Metro Ahad | | |
| Date | 23 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 120,979 |
| Page No | 8 | Readership | 362,937 |
| Language | Malay | ArticleSize | 128 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,023 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,069 |



Ayam RM6 seekor habis sejam

Melaka: Ayam lelong RM6 seekor habis dijual tidak sampai sejam sempena Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) di Durian Tunggal di sini, semalam.

Program anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) itu turut menawarkan pelbagai hasil tani lain yang lebih murah daripada harga pasaran.

Harga berkenaan diumumkan Exco Kerja Raya

Pengangkutan dan Kemudahan Awam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Tunggal, Datuk Sofi Abdul Wahab.

Sementara itu, peniaga ayam, Naza Ali berkata, dia membawa 300 ayam dan tidak menduga habis dalam tempoh sejam.

Bagaimanapun, setiap pelanggan terhad membeli seekor ayam sahaja bagi memberi peluang lebih ramai mendapatkannya.



AYAM lelong yang disambar orang ramai, semalam.